

BAB 3

PRODUK “*ISLAMIC EQUITY-LINKED STRUCTURED INVESTMENT-i*”

DI HSBC AMANAH

3.1 PENGENALAN

HSBC Amanah merupakan salah satu institusi perbankan Islam yang diwujudkan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kewangan berlandaskan hukum syarak. Umum mengetahui bahawa keperluan terhadap perkhidmatan kewangan Islam amat tinggi berdasarkan permintaan masyarakat Islam di samping menjadi tanggungjawab sebagai Muslim untuk menggunakan perkhidmatan kewangan yang bebas dari unsur-unsur yang tidak dibenarkan dalam Islam. Justeru itu, Kumpulan HSBC (*HSBC Group*) telah mengambil inisiatif bagi memenuhi permintaan tersebut.

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang penubuhan serta jenis-jenis pelaburan yang ditawarkan oleh HSBC Amanah seterusnya menjelaskan konsep produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” secara keseluruhannya. Disamping itu, bab ini juga membincangkan tentang instrumen derivatif yang digunakan serta prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan dalam produk ini. Umumnya matlamat operasi HSBC Amanah adalah untuk menawarkan perkhidmatan perbankan Islam sebagai alternatif kepada perbankan konvensional serta menyediakan perkhidmatan kewangan yang berkaitan.¹

¹ HSBC Amanah, *Interim Financial Statement* (Kuala Lumpur: HSBC Amanah, 2012), 7. Sila rujuk laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, http://www.hsbc.com.my/1/PA_ES_Content_Mgmt/content/amanah/website/pdf/financial_results/1stquarter2012.pdf.

3.2 LATAR BELAKANG HSBC AMANAH

Penubuhan perbankan Islam di Malaysia bertitik tolak daripada kesedaran masyarakat yang menginginkan satu sistem kewangan dan perbankan berteraskan Syariah diwujudkan. Salah satu institusi yang menyahut cabaran ini adalah Hongkong and Shanghai Banking Corporation atau lebih dikenali sebagai HSBC² yang mengambil inisiatif untuk menubuhkan perbankan Islam dikenali sebagai HSBC Amanah.³

HSBC Amanah merupakan institusi perkhidmatan kewangan Islam bagi Kumpulan HSBC. Ditubuhkan pada tahun 1998 dengan lebih daripada 300 profesional yang berkhidmat di Timur Tengah, Asia Pasifik, Eropah serta Amerika Syarikat dan merupakan institusi perkhidmatan kewangan Islam terbesar berbanding bank-bank antarabangsa yang lain.⁴ Melalui penstrukturan semula perniagaan perbankan Islam, HSBC Amanah menawarkan perkhidmatan kewangan Islam khusus di Malaysia dan Arab Saudi. Ianya diiktiraf secara meluas sebagai peneraju pasaran dari segi penawaran produk dan perkhidmatan yang inovatif serta produk pelaburan yang berinisiatif selain menawarkan penyelesaian kewangan Islam yang paling menyeluruh.⁵ HSBC Amanah mempunyai kepakaran dalam industri kewangan dan perbankan serta ditubuhkan untuk memenuhi keperluan kewangan semasa masyarakat Islam.

² Selepas ini akan disebut sebagai HSBC.

³ Douglas Wong, *HSBC: Its Malaysian Story* (Singapura: Editions Didier Millet, 2004), 175.

⁴ Laman sesawang HSBC Amanah, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com/amanah/about-amanah>.

⁵ *Ibid.*

3.2.1 Sejarah Penubuhan HSBC di Malaysia

Kehadiran awal HSBC di Malaysia dikesan sejak tahun 1884 apabila The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (HSBC) telah menubuhkan cawangan pertama di Negara ini pada tahun 1884 di Pulau Pinang dengan keistimewaannya pada masa itu mengeluarkan wang kertas.⁶

Satu abad selepas itu, HSBC telah menawarkan perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia pada tahun 1994. Manakala pada tahun 1998, HSBC telah memperkenalkan perbankan Islam ke seluruh dunia. Seterusnya pada tahun 2004, jenama HSBC Amanah telah dilancarkan secara global dengan tujuan menjadikan HSBC sebagai penyedia utama perkhidmatan perbankan dan kewangan Islam di seluruh dunia.

Berdasarkan kronologi, pada tahun 1994 HSBC telah melancarkan sistem kewangan Islam di Malaysia. Ketika itu, ia merupakan bank luar negara pertama di Malaysia yang melancarkan perbankan Islam melalui infrastruktur sedia ada di bawah operasi “Islamic Window”.⁷ Beberapa tahun selepas itu, HSBC telah melancarkan sistem kewangan Islam secara global pada tahun 1998. Inisiatif ini adalah untuk menguasai peluang baru bagi Kumpulan HSBC melalui platform perkhidmatan yang lebih baik.

⁶ Douglas Wong, *HSBC: Its Malaysian Story*, 36.

⁷ Turut dikenali sebagai Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) kemudian diganti kepada Skim Perbankan Islam (SPI). Merupakan sebuah jabatan dalam perbankan konvensional yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam. Operasi bank-bank ini dikawal selia oleh Bank Negara dari aspek pematuhan Syariah dan dipantau oleh jawatankuasa-jawatankuasa Syariah yang diwajibkan bagi setiap bank. Sila lihat Asyraf Wajdi Dusuki, *Sistem Perbankan Islam di Malaysia dan Pengaruhnya dalam Transformasi Kewangan Dunia Islam*, 10; Laman sesawang *Islamic Finance WIKI*, dicapai 12 Mac 2014, http://wiki.islamicfinance.de/index.php/Islamic_Window.

Berikutnya pada tahun 2001, HSBC Bank Malaysia Berhad melancarkan Kad Caj kredit Islam yang pertama di Malaysia berlandaskan prinsip Syariah di pasaran.⁸ Seterusnya pada tahun 2004, HSBC Amanah telah dilancarkan dan berjaya mencatatkan jenama global tersendiri sebagai institusi kewangan dan perbankan Islam HSBC.

Pada tahun 2006 pula, HSBC Bank Malaysia melancarkan satu produk patuh Syariah yang dikenali sebagai pelaburan produk berstruktur iaitu HSBC Amanah Islam Dwi Mata Wang Pelaburan Berstruktur (*HSBC Amanah Islamic Dual Currency Structured Investment*)

Manakala pada tahun 2007 berikutnya HSBC Bank Malaysia melancarkan lebih banyak produk-produk berteraskan Syariah antaranya ialah *HSBC Amanah Wealth Management Proposition* iaitu penyelesaian perancangan kewangan Islam lengkap yang pertama di Malaysia. Pada November 2007, HSBC Bank Malaysia menjadi bank asing pertama yang diperbadankan dan diberikan lesen oleh Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan anak syarikat (subsidiari) perbankan Islam di Malaysia.

Beberapa bulan selepas itu iaitu pada 26 Februari 2008,⁹ perbankan Islam HSBC Amanah Malaysia Berhad beroperasi sepenuhnya dan memulakan operasi secara rasmi pada Ogos 2008. Pada November 2008, cawangan pertama HSBC Amanah Malaysia yang terletak di Bandar Utama telah dibuka diikuti oleh cawangan kedua pada Disember 2008 di Juru Auto City, Pulau Pinang. HSBC Amanah telah dilancarkan

⁸ Douglas Wong, *HSBC: Its Malaysian Story*, 175.

⁹ HSBC Amanah, *Interim Financial Statement* (Kuala Lumpur: HSBC Amanah, 2012), 7. Sila rujuk laman sesawang HSBC Amanah, dicapai 13 Februari 2014, http://www.hsbc.com.my/1/PA_ES_Content_Mgmt/content/amanah/website/pdf/financial_results/1stquarter2012.pdf.

secara rasmi oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) di One-Utama, Petaling Jaya.¹⁰

Jika diteliti, HSBC Amanah Malaysia merupakan pelengkap kepada perbankan dan pembiayaan kewangan HSBC Bank Malaysia yang komprehensif disediakan kepada semua pelanggan dengan menyediakan rangkaian produk dan perkhidmatan Islam yang inovatif. Penubuhannya juga merupakan satu peristiwa penting untuk Kumpulan HSBC kerana ia merupakan bank Islam pertama yang ditubuhkan oleh HSBC.

3.2.2 Organisasi HSBC Amanah Malaysia

HSBC Amanah Malaysia diuruskan oleh Lembaga Pengarah yang diketuai oleh seorang pengerusi iaitu Louisa Cheang Wai Wan yang dilantik pada 1 Januari 2012 dan dibantu oleh Ketua Pengarah Mukhtar Malik Hussain serta Ketua Pegawai Eksekutif Mohamed Rafe bin Mohamed Haneef serta empat ahli lembaga pengarah yang lain.¹¹

3.2.2 (a) Lembaga Pengarah.¹²

Lembaga Pengarah HSBC Amanah Malaysia terdiri daripada tujuh (7) orang ahli. Seorang (1) daripadanya Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, dua (2) Pengarah

¹⁰ Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/hsbc-amanah-and-you>.

¹¹ HSBC Amanah, *HSBC Amanah Malaysia Berhad Financial Statement*, 1. Sila rujuk laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, http://www.hsbcamanah.com.my/1/PA_ES_Content_Mgmt/content/amanah/website/pdf/financial_results/4thquarter2012.pdf.

¹² Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/hsbc-amanah-and-you/corporate-information/board-of-directors>.

Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan empat (4) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.¹³

Senarai ahli lembaga pengarah adalah seperti dalam jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1: Lembaga Pengarah HSBC Amanah Malaysia

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
1.	Louisa Cheang Wai Wan	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif / Pengerusi (<i>Non-Independent Non-Executive Director / Chairman</i>)	1 Januari 2012
2.	Mukhtar Malik Hussain	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (<i>Non-Independent Non-Executive Director</i>)	15 Disember 2009
3.	Mohamed Rafe bin Mohamed Haneef	Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (<i>Chief Executive Officer, Non-Independent Executive Director</i>)	22 November 2010
4.	Mohamed Ross bin Mohd Din	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>Independent Non-Executive Director</i>)	26 Februari 2008
5.	Azlan bin Abdullah	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>Independent Non-Executive Director</i>)	6 Ogos 2008
6.	Mohamed Ashraf bin Mohamed Iqbal	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>Independent Non-Executive Director</i>)	6 Ogos 2008
7.	Lee Choo Hock	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>Independent Non-Executive Director</i>)	2 Januari 2009

Sumber: HSBC Amanah Malaysia Berhad Financial Statement, 31 December 2012¹⁴

¹³ HSBC Amanah, *HSBC Amanah Malaysia Berhad Financial Statement*, 5.

¹⁴ Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/hsbc-amanah-and-you/corporate-information/board-of-directors>.

Lembaga Pengarah dilantik dengan mematuhi kriteria Pengarah Bebas seperti yang ditetapkan pada perenggan 2.26 dalam Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat bagi Bank Islam Berlesen (*Guidelines on Corporate Governance for Licensed Islamic Banks (BNM/GP1-i)*).¹⁵ Mereka mempunyai latar belakang dan pengalaman profesional dalam perbankan dan kewangan yang boleh menyumbang pengetahuan dan kepakaran untuk mencapai visi HSBC Amanah.

Terdapat pembahagian tugas dan tanggungjawab yang jelas di antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif untuk memastikan keseimbangan tugas, tanggungjawab, tahap autoriti dan akauntabiliti. Lembaga Pengarah diketuai oleh Louisa Cheang Wai Wan selaku Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif manakala bahagian pengurusan eksekutif diketuai oleh Mohamed Rafe bin Mohamed Haneef selaku Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Bukan Bebas. Ini berdasarkan perenggan 2.38 daripada BNM/GP1-i¹⁶ yang menjelaskan bahawa Pengerusi Lembaga Pengarah seharusnya di bawah kapasiti Bukan Eksekutif dan tidak memegang sebarang jawatan eksekutif di syarikat induk dan institusi yang berkaitan.¹⁷

Lembaga pengarah bertanggungjawab mengguna pakai standard tadbir urus korporat yang efektif di bank termasuk menyemak dan meluluskan strategi bank, perancangan perniagaan tahunan dan sasaran prestasi, polisi-polisi penting dan prosedur untuk memantau dan mengawal operasi, perlantikan pegawai-pegawai kanan, dan memantau prestasi pengurusan dalam melaksanakannya. Lembaga pengarah juga menjalankan

¹⁵ Bank Negara Malaysia, Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat bagi Bank Islam Berlesen (*Guidelines on Corporate Governance for Licensed Islamic Banks*) (BNM/GP1-i), 15. Sila rujuk laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai 13 Februari 2014, http://www.bnm.gov.my/guidelines/01_banking/04_prudential_stds/17_gp1_i_amended_20110301.pdf.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ HSBC Amanah, *HSBC Amanah Malaysia Berhad Financial Statement*, 5-7.

fungsi dan tanggungjawab lain seperti yang ditetapkan oleh garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.¹⁸

3.2.2 (b) Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Jawatankuasa penasihat syariah ditubuhkan di bawah seksyen 3 (5) (b) Akta perbankan Islam 1983¹⁹ untuk menasihati HSBC Amanah terhadap operasi perbankan supaya tidak terlibat dengan unsur-unsur yang tidak dibenarkan syarak. Tugas dan tanggungjawab utama penasihat Syariah adalah untuk menasihati Lembaga Pengarah dan Pengurusan bagi memastikan operasi bank selaras dengan kehendak Syariah.²⁰

Jawatankuasa Syariah perlu memastikan bentuk operasi perbankan adalah berlandaskan Syariah di samping dana dan modal datang daripada sumber yang halal dan tidak bercampur dengan dana perbankan konvensional. Semua ahli Jawatankuasa Syariah perlu mempunyai pengetahuan agama yang mendalam serta kemahiran yang tinggi dalam bidang perbankan Islam. Antara peranan dan tanggungjawab jawatankuasa Syariah dalam mengawal selia aktiviti HSBC Amanah dijelaskan seperti berikut:²¹

- i. Untuk membuat keputusan mengenai perkara-perkara Syariah dalam keadaan bebas tanpa pengaruh tidak wajar atau ugutan dan bertanggungjawab terhadap keputusan Syariah, pandangan dan pendapat;

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Akta Bank Islam 1983, Bahagian II, 13A (2).

²⁰ Bank Negara Malaysia, Garis Panduan BNM mengenai Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (*Guidelines on Corporate Governance for Shariah Committee*) (BNM/GPS1)), 6. Sila rujuk laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai 13 Februari 2014, http://www.bnm.gov.my/guidelines/03_dfi/03_prudential/03_gl_governance_of_shariah_committee.pdf.

²¹ HSBC Amanah, *HSBC Amanah Malaysia Berhad Financial Statement*, 27-28.

- ii. Untuk menasihati Lembaga Pengarah dan menyediakan maklumat berkaitan perkara-perkara Syariah untuk membantu bank supaya sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah;
- iii. Untuk menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah apabila dikehendaki dan sewajarnya mengemaskini kepada ahli jawatankuasa Pengarah terhadap perkara-perkara Syariah yang berkaitan kepada bank;
- iv. Untuk menyokong polisi Syariah dan prosedur bank dan memastikan bahawa kandungannya adalah patuh Syariah;
- v. Untuk meluluskan struktur produk dan transaksi yang diuruskan dan dilaksanakan oleh bank;
- vi. Untuk menyokong dan mengesahkan dokumen berikut:
 - Terma dan syarat yang terkandung di dalam borang, kontrak, perjanjian dan lain-lain dokumen undang-undang yang digunakan dalam pelaksanaan urusniaga
 - Manual produk, iklan pemasaran, ilustrasi jualan dan risalah yang digunakan untuk menggambarkan produk
- vii. Untuk menilai kerja-kerja yang dijalankan oleh Audit Syariah bagi memastikan ianya patuh Syariah.

HSBC Amanah menitik beratkan pematuhan Syariah dalam operasi perniagaannya sebagai keutamaan yang paling penting. Oleh yang demikian, HSBC Amanah telah melantik pasukan profesional yang berkelayakan untuk memastikan bahawa bimbingan dan nasihat yang diterima daripada Jawatankuasa Syariah dilaksanakan secara menyeluruh.

Operasi HSBC Amanah di Malaysia dikawal selia oleh lima jawatankuasa syariah serantau (*Regional Shariah Committees*) dipengerusikan oleh Dr Younes Soualhi dan ahli jawatankuasa terdiri daripada Khairul Anuar Ahmad, Dr Obiyathulla Ismath Bacha, Dr Muhammad Yusuf Saleem dan Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman.²²


3.3 JENIS-JENIS PELABURAN DI HSBC AMANAH

Sebagai salah satu institusi kewangan dan perbankan Islam, HSBC Amanah Malaysia menawarkan pelbagai perkhidmatan untuk pelanggan antaranya akaun simpanan, kad kredit, pembiayaan, perlindungan takaful, pelaburan dan perkhidmatan perbankan. Melalui perkhidmatan pelaburan terdapat tiga jenis pelaburan yang ditawarkan oleh HSBC Amanah Malaysia iaitu Unit Amanah (*Unit Trust*), Pelaburan Dwi Matawang-i (*Dual Currency Investment-i*) dan Pelaburan Berstruktur-i (*Structured Investment-i*).²³ Walau bagaimanapun pelaburan unit amanah dan pelaburan dwi matawang-i tidak akan dibincangkan secara terperinci dalam perbincangan seterusnya. Ini kerana fokus kajian ini hanya tertumpu kepada pelaburan berstruktur sahaja. Rajah 3.1 berikut menunjukkan jenis-jenis pelaburan yang ditawarkan di HSBC Amanah Malaysia.

²² Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com/amanah/about-amanah/islamic-banking/shariah-supervision>.

²³ Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/personal/amanah-investing>.

Rajah 3.1: Jenis-jenis Pelaburan di HSBC Amanah Malaysia




Sumber: Laman Sesawang HSBC Amanah²⁴

3.3.1 Pelaburan Berstruktur-i (*Structured Investment-i*).

Bagi memenuhi kehendak pelabur yang menginginkan produk pelaburan yang lebih terjamin serta peluang keuntungan yang tinggi dan pada masa yang sama menyediakan kaedah pengurusan yang lebih baik, pihak HSBC Amanah turut menawarkan pelaburan berstruktur Islam. Pelaburan berstruktur Islam merupakan pelaburan patuh Syariah yang menggabungkan instrumen berpendapatan tetap dengan instrumen derivatif sebagai aset pendasar tetapi bercirikan perlindungan amaun pelaburan sekiranya dipegang sehingga tempoh matang. Justeru, pelaburan ini menawarkan kepada pelanggan peluang untuk mendapatkan pulangan modal asal dan pada masa yang sama dapat menjana keuntungan. Rajah 3.2 berikut menjelaskan tentang perlindungan modal dalam pelaburan berstruktur Islam di HSBC Amanah.

²⁴ *Ibid.*

Rajah 3.2: Perlindungan Modal dalam Pelaburan Berstruktur



Sumber: Ubahsuai Laman sesawang HSBC²⁵

HSBC Amanah Malaysia menawarkan produk pelaburan berstruktur yang dikaitkan dengan pelbagai jenis aset termasuk ekuiti, kadar pertukaran asing (*FX rates*) dan kadar antara bank (*interbank rate*). Namun kajian ini hanya tertumpu kepada pelaburan berstruktur jenis ekuiti yang dikenali sebagai “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”.²⁶ Ia merupakan alternatif yang lebih baik kepada pelaburan ekuiti konvensional yang menawarkan peluang untuk mendapatkan keuntungan berpotensi lebih tinggi daripada akaun simpanan tetap.

Produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” ini distruktur/dibentuk oleh Jabatan Perbendaharaan bersama dengan Jabatan Syariah untuk membantu dari sudut perkara berkaitan prinsip-prinsip Syariah. Produk ini distruktur berdasarkan konsep *wakālah bi al-istithmār* dan objektif produk ini adalah untuk memberi perlindungan

²⁵ Laman sesawang HSBC, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbc.com.cn/1/2/personal-banking/investment/structuredinvestment>.

²⁶ Laman sesawang HSBC Amanah, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/personal/amanah-investing/structured-investments>.

modal pelaburan serta potensi pembayaran balik lebih tinggi berbanding akaun pelaburan biasa atau deposit tetap sekiranya dipegang hingga tempoh matang.²⁷ Tempoh masa minimum pelaburan adalah dua (2) tahun dan maksimum lima (5) tahun. Walau bagaimanapun tempoh masa pelaburan berubah berdasarkan kepada penstrukturan sesuatu produk, terdapat pelaburan produk berstruktur yang hanya mengambil masa satu (1) tahun sahaja. Antara faedah pelaburan produk berstruktur ini adalah seperti berikut:²⁸

- i. Potensi pulangan yang lebih tinggi daripada akaun simpanan biasa.
- ii. Portfolio yang pelbagai.
- iii. Pendedahan kepada pasaran kewangan tertentu dengan mengambil pandangan yang ada pada pergerakan pasaran.

Berikut merupakan produk-produk berstruktur Islam terkini jenis ekuiti yang ditawarkan oleh HSBC Amanah:²⁹

1. 3.5 Years MYR Equity Linked Asian Capped Growth Structured Investment-i.
2. 4 Years MYR Best Climber Equity Linked Structured Investment-i.
3. 2-Year MYR Autocallable Equity Linked (Apple Inc) Structured Investment-i.
4. 2-Year MYR Autocallable Equity Linked (Google Inc) Structured Investment-i.
5. 1-Year MYR Autocallable Equity Linked (Lenovo Group Ltd) Structured Investment-i.

²⁷ Mohamad Noranuar Sajari (Pakar Pembangunan Produk Syariah di Bank Muscat, Oman. Pernah menjawat jawatan sebagai Pemangku Ketua Bahagian Syariah, HSBC Amanah Malaysia), dalam temubual pada 23 Disember 2012.

²⁸ Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, <http://www.hsbcamanah.com.my/1/2/amanah/personal/amanah-investing/structured-investment-i>.

²⁹ Laman sesawang *HSBC Amanah*, dicapai 13 Februari 2014, https://www.hsbc.com.my/1/PA_ES_Content_Mgmt/content/website/pdf/common/insured_deposits_islamic_hsbc.pdf.

6. 2-Year MYR Autocallable Equity Linked (Samsung Electronics Co Ltd) Structured Investment-i.
7. 1-Year MYR Autocallable Equity Linked (BMW AG) Structured Investment-i.
8. 1-Year MYR Autocallable Equity Linked (Volkswagen AG) Structured Investment-i.

3.4 KONSEP PRODUK “ISLAMIC EQUITY-LINKED STRUCTURED INVESTMENT-i”

Sebagaimana yang digariskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia terdapat pelbagai jenis produk berstruktur yang wujud antaranya seperti nota berkait ekuiti, nota berkait bon, nota berkait indeks, nota berkait mata wang, nota berkait kadar faedah dan nota berkait komoditi. Jenis produk berstruktur yang ditawarkan oleh HSBC Amanah adalah nota berkait ekuiti yang dikenali sebagai “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”. Perbincangan berkaitan ekuiti akan dijelaskan dalam perenggan berikut.

Ekuiti didefinisikan sebagai pemilikan terhadap sebahagian saham syarikat, yang membolehkan pemiliknya mempunyai hak milik terhadap syarikat tersebut.³⁰ Manakala pasaran ekuiti bermaksud satu pasaran di mana sekuriti, saham dan lain-lain instrumen yang didagangkan di bursa dibeli dan dijual. Apabila saham atau sekuriti telah dibeli, para pemegang saham mempunyai kebebasan untuk menjual sekuriti

³⁰ The Chartered Institute of Bankers, *Debts & Equity Market: Equity Finance* (United Kingdom: Financial World Publishing, 2002), 2.

terbabit.³¹ Ia membawa kepada pemindahan instrumen yang membolehkan pemegang saham menebus wang mereka apabila menjual saham atau sekuriti mereka.³²

Bagi pasaran ekuiti Islam, ia merupakan satu alat/cara untuk memindahkan dana daripada pihak yang mempunyai lebihan (*surplus*) kepada pihak yang mempunyai kekurangan (*deficit*). Ia membenarkan pemilik modal untuk melabur berdasarkan keutamaan dari segi tahap penglibatan risiko, kadar pulangan dan tempoh pelaburan. Tanpa pasaran sebegini, pemilik modal kemungkinan tidak menjumpai peluang yang mencukupi untuk melabur bagi tempoh jangka pendek memandangkan kelas aset yang lain adalah bersifat jangka panjang. Pelaburan ini dan segala yang berkait dengan aktiviti pasaran walau bagaimanapun mesti didasarkan kepada prinsip-prinsip Syariah.³³

Pada dasarnya, pasaran ekuiti Islam mempunyai ciri-ciri transaksi yang tidak melibatkan faedah, keraguan dan stok yang melanggar undang-undang di mana syarikat berurusan dalam aktiviti tidak patuh Syariah. Aktiviti pasaran ekuiti Islam harus bebas daripada sebarang bentuk elemen yang tidak beretika dan tidak bermoral.³⁴ Di Malaysia, stok patuh Syariah diniagakan di Bursa Malaysia dalam tiga pasaran iaitu papan utama, papan kedua dan pasaran MESDAQ. Untuk memastikan sama ada sesuatu stok patuh Syariah atau tidak, ahli Majlis Penasihat Syariah bagi Suruhanjaya

³¹ Robert A. Schwartz & Reto Francioni, *Equity Markets in Action: The Fundamentals of Liquidity, Market Structure & Trading* (New Jersey: John Wiley & Sons, 2004), 1.

³² Securities Commission Malaysia, *Islamic Equity Market* (Selangor: LexisNexis Malaysia Sdn Bhd, 2009), 7.

³³ Sudin Haron & Wan Nursofiza Wan Azmi, *Islamic Finance and Banking System: Philosophies, Principle & Practices* (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2009), 36.

³⁴ Mohammad Hashim Kamali (2000), *Islamic Law in Malaysia Issues and Developments* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn Bhd, 2000), 239.

Sekuriti Malaysia telah menggariskan keperluan-keperluan umum yang harus dipenuhi.³⁵

Umumnya, produk ekuiti Islam menawarkan fungsi yang sama dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama seperti produk ekuiti konvensional. Namun begitu, produk ekuiti Islam harus memenuhi keperluan berikut:

- i. Instrumen pendasar perlu dijauhkan dari elemen riba serta bebas dari aktiviti yang diharamkan seperti judi, gharar serta aktiviti berkaitan arak.
- ii. Produk ekuiti Islam harus distruktur berdasarkan prinsip Syariah.³⁶

Islamic equity linked note merupakan salah satu daripada produk berstruktur Islam yang paling popular ditawarkan kepada pelabur semasa.³⁷ Hal ini kerana konsep produk berstruktur jenis ekuiti ini adalah patuh Syariah berdasarkan strukturnya. Dalam produk nota berkait ekuiti Islam, sekuriti berpendapatan tetap akan dikaitkan dengan saham dan indeks ekuiti patuh syariah di pasaran tempatan dan/atau antarabangsa. Melalui kaitan saham ekuiti dan indeks ekuiti tersebut, pelabur boleh menikmati perlindungan modal disamping mendapat pendedahan kepada potensi keuntungan di pasaran ekuiti.³⁸ Rajah 3.3 berikut menjelaskan tentang struktur nota berkait ekuiti Islam (*Islamic equity linked notes*).


³⁵ Securities Commission Malaysia, *Islamic Equity Market*, 7.

³⁶ *Ibid*, 7-8.

³⁷ *Ibid*, 76.

³⁸ Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, "Produk Berstruktur Islam" dalam *Prosiding Muzakarah Penasihat Syari'ah Kewangan Islam, Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF)* di Nikko Hotel, 9 November 2007 (Kuala Lumpur: CERT, 2009), 58.

Rajah 3.3: Struktur Nota Berkait Ekuiti (*Islamic equity linked notes*)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia³⁹

Dalam Rajah 3.3, pelabur melaburkan dana atau modal pelaburan di institusi kewangan yang menawarkan produk ekuiti Islam. Cara portfolio pelaburan diuruskan adalah dipersetujui bersama di antara pelabur dan institusi kewangan Islam. Kontrak di antara pelabur dan institusi kewangan Islam boleh dihubungkan sama ada melalui prinsip *muḍārabah* atau *wakālah*. Walaupun cara portfolio pelaburan diuruskan dan dilaburkan mungkin tidak berbeza sama ada dengan menggunakan *muḍārabah* atau *wakālah*, namun keuntungan yang akan diagihkan kepada pengurus pelaburan bergantung kepada struktur yang dipilih.

Sekiranya kontrak *wakālah* digunakan, pengurus boleh mengambil yuran pendahuluan (*upfront*) tidak kira sama ada pelaburan tersebut mendapat keuntungan atau sebaliknya. Manakala jika produk berstruktur menggunakan kontrak *muḍārabah*, pengurus hanya layak untuk mendapat keuntungan berdasarkan nisbah perkongsian yang berasaskan kepada prestasi sebenar portfolio pelaburan.⁴⁰

³⁹ Securities Commission Malaysia, *Islamic Equity Market*, 76.


⁴⁰ Securities Commission Malaysia, *Islamic Equity Market*, 77.

Dalam produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”, sebahagian besar modal pelaburan akan dilaburkan dalam instrumen berpendapatan tetap yang akan melindungi modal iaitu *ṣukūk* dan baki modal pelaburan dilaburkan dalam ekuiti opsyen saham patuh Syariah yang dimiliki oleh HSBC Hong Kong / Paris. Manakala, kontrak di antara pelabur dan HSBC Amanah dihubungkan melalui *wakālah*.

3.5 STRUKTUR PRODUK “*ISLAMIC EQUITY-LINKED STRUCTURED INVESTMENT-i*”

Produk ini merupakan pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap Islam yang dikaitkan kepada ekuiti opsyen saham patuh syariah yang dimiliki oleh anak syarikat HSBC yang lain dikenali sebagai HSBC Hong Kong dan/atau Paris. Rajah 3.4 berikut menggambarkan struktur produk yang dilaksanakan oleh HSBC Amanah.

Rajah 3.4: Struktur Produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”



Sumber: Ubahsuai Engku Rabiah Adawiah Engku Ali.⁴¹

⁴¹ Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2009), *op. cit.*, h. 63.

Rajah 3.4 menunjukkan penstrukturan produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i.*” Pada peringkat awal, para pelabur meletakkan pelaburan di HSBC Amanah berdasarkan prinsip *wakālah bi al-istithmār*. Pelabur bertindak sebagai orang yang mewakilkan (*muwakkil*) manakala pihak HSBC Amanah bertindak sebagai wakil yang menguruskan urusan jual beli bagi pihak pelabur (*wakīl*).⁴²

Kemudian, HSBC Amanah akan melaburkan 90 peratus daripada modal pokok pelaburan dalam instrumen pelaburan patuh Syariah seperti sekuriti Islam berpendapatan tetap (*ṣukūk*) yang menjanjikan pulangan sebanyak 10 peratus dalam tempoh 3 tahun dengan syarat pelaburan dikekalkan selama 3 tahun. Pelaburan ini dapat melindungi modal pokok pelaburan secara 100 peratus (90 peratus + 10 peratus keuntungan).

Setelah itu, 10 peratus baki daripada modal pokok (baki selepas 90 peratus pelaburan *ṣukūk*) digunakan untuk membeli opsyen panggilan dalam ekuiti saham patuh Syariah yang dimiliki oleh HSBC Hong Kong atau Paris dengan menggunakan prinsip ‘*urbūn*. Ia membolehkan pelaburan tersebut mendapat tambahan untung potensi bergantung kepada prestasi harga ekuiti dengan risiko yang terhad dan terkawal.⁴³

⁴² Mohamad Noranuar Sajari (Pakar Pembangunan Produk Syariah di Bank Muscat, Oman. Pernah menjawat jawatan sebagai Pemangku Ketua Bahagian Syariah, HSBC Amanah Malaysia), dalam temubual pada 23 Disember 2012.

⁴³ Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, “Produk Berstruktur Islam”, 63; Securities Commission Malaysia, *Islamic Equity Market*, 77.

Umumnya, dana pelaburan akan dilaburkan di pasaran terbuka (*open market*) seperti Bursa Malaysia atau *Dow Jones Islamic Index* melalui aktiviti jual dan beli saham patuh Syariah dan/atau instrumen patuh Syariah seperti *ṣukūk*.⁴⁴

3.6 INSTRUMEN DERIVATIF DALAM PRODUK “ISLAMIC EQUITY-LINKED STRUCTURED INVESTMENT-*i*”

Derivatif ialah satu kontrak di mana nilainya bergantung pada/atau diperoleh daripada nilai sesuatu aset pendasar seperti harga komoditi, kadar faedah dan harga saham atau sesuatu indeks. Terdapat beberapa jenis pasaran derivatif yang utama iaitu opsyen (*option*), kontrak niaga hadapan (*futures*), kontrak hadapan (*forward*) dan *swap*.⁴⁵

Sepertimana yang dibincangkan sebelum ini produk berstruktur “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” mengaitkan struktur sekuriti berpendapatan tetap seperti *ṣukūk* dengan pemboleh-ubah pasaran kewangan iaitu ekuiti.⁴⁶ Elemen derivatif yang digunakan dalam produk ini adalah opsyen. Elemen derivatif ini merupakan mekanisme yang mewujudkan pendedahan kepada komponen harga pasaran di dalam aset rujukan/pendasar.

Opsyen secara umumnya adalah hak untuk memiliki saham sesuatu syarikat dan pemegang opsyen tidak memiliki saham syarikat itu tetapi hanya mempunyai hak

⁴⁴ Mohamad Noranuar Sajari (Pakar Pembangunan Produk Syariah di Bank Muscat, Oman. Pernah menjawat jawatan sebagai Pemangku Ketua Bahagian Syariah, HSBC Amanah Malaysia), dalam temubual pada 23 Disember 2012.

⁴⁵ Robert W. Kolb, *Futures, Options and Swaps* (cet. 3, United Kingdom: Blackwell Business, 2000), 2-5; Satyajit Das, *Derivative Products and Pricing: The Swaps & Financial Derivatives Library* (Singapore: John Wiley & Sons (Asia), 2006), 3.

⁴⁶ Satyajit Das, *Structured Products and Hybrid Securities* (cet. 2, Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte Ltd, h. 2001), 2; Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, “Produk Berstruktur Islam”, 57.

untuk membeli atau menjual saham syarikat tersebut.⁴⁷ Pemegang opsi mempunyai pilihan untuk menunaikan hak tersebut dengan membeli atau menjual atau membiarkan opsi luput/tamat tempoh.⁴⁸ Ia berlaku apabila pemegang opsi tidak membeli atau menjual saham itu dalam tempoh masa yang ditentukan. Tempoh jangka masa ini kebiasaannya adalah tiga bulan, enam bulan dan tidak melebihi sembilan bulan.⁴⁹

Pembayaran yang dibuat untuk membeli opsi dari bursa opsi dikenali sebagai premium. Jumlah premium yang dikenakan tertakluk kepada beberapa faktor seperti tempoh jangka masa opsi, lebih lama tempoh masa ini lebih tinggi premium yang dikenakan. Faktor lain ialah jangkaan harga pasaran melebihi harga guna hak bagi opsi panggilan dan sebaliknya bagi opsi jualan. Jika harga pasaran dijangka akan melebihi harga guna hak (bagi opsi panggilan), jumlah premium adalah tinggi. Terdapat dua jenis opsi iaitu opsi panggilan dan opsi jualan.⁵⁰ Namun dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" ia menggunakan kontrak opsi panggilan. Oleh kerana itu, perbincangan berikut hanya berkisar tentang opsi panggilan sahaja.

Opsi panggilan memberi hak kepada pemilik opsi untuk membeli unit saham sesuatu syarikat dengan harga guna hak yang ditentukan dalam suatu jangka masa yang tertentu. Jika harga saham yang terlibat ini melebihi harga guna hak, nilai opsi akan bertambah dan opsi ini dikenali juga sebagai opsi dapat wang. Jika harga

⁴⁷ Satyajid Das, *Derivative Products and Pricing: The Swaps & Financial Derivatives Library*, 18.

⁴⁸ John C. Hull, *Fundamentals of Futures and Options Markets* (New Jersey: Pearson Prentice Hall, 2005), 6.

⁴⁹ Shamser Mohamad & Annuar Md. Nassir, *Opsi Ekuiti: Satu Pengenalan* (Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, 1996), 13-15.

⁵⁰ Mohammad Hashim Kamali, *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2002), 191; John C. Hull, *Options, Futures and Other Derivatives*, edisi 4 (Amerika Syarikat: Prentice-Hall, 2000), 6.

guna hak melebihi harga saham, opsi ini tidak bernilai dan dikenali sebagai opsi tanpa wang. Namun kebiasaannya, pelabur dalam opsi panggilan menjangkakan harga saham akan naik.⁵¹

Sebagai contoh, seorang pelabur membeli satu opsi panggilan yang memberinya hak membeli 1000 saham Syarikat A dengan harga guna hak RM4 pada bila-bila masa dalam tempoh enam bulan. Beliau membayar premium RM300 untuk membeli opsi ini. Harga saham di pasaran pada masa opsi dibeli ialah RM3.50. Sekiranya selepas tiga bulan dari tarikh kontrak opsi dibeli harga saham syarikat meningkat kepada RM7.50, beliau boleh menunaikan haknya dengan membeli 1000 unit saham Syarikat A dengan harga RM4 sesaham dan menjualnya di pasaran dengan harga RM7.50 sesaham. Maka keuntungan yang diperolehi adalah sebanyak RM3.50 sesaham dan jika kos pengendalian ialah RM1.50 sesaham, jumlah keuntungan bersih yang diperolehi oleh pelabur ialah RM2000 [(RM7.50-RM4.00) x 1000 unit saham tolak kos pengendalian (RM1.50 x 1000 unit saham)].⁵²

3.7 PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DALAM PRODUK “ISLAMIC EQUITY-LINKED STRUCTURED INVESTMENT-*i*”

Terdapat beberapa prinsip Syariah yang diaplikasikan dalam produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*” ini antaranya kontrak yang menghubungkan di antara pelabur dan pihak HSBC Amanah adalah prinsip *wakālah bi al-istithmār*. Manakala, prinsip Syariah yang diaplikasikan bagi menggantikan penggunaan opsi panggilan konvensional adalah ‘*urbūn*’.

⁵¹ Peter James, *Option Theory* (England: John Wiley & Sons Ltd, 2003), 15; John C. Hull, *Options, Futures and Other Derivatives*, 7; John C. Hull, *Fundamentals of Futures and Options Markets*, edisi 5 (New Jersey: Pearson Prentice Hall, 2005), 181-182.

⁵² Shamsir Mohamad & Annuar Md. Nassir, *Opsi Ekuiti: Satu Pengenalan*, 14.

3.7.1 *Wakālah bi al-istithmār*

Wakālah merupakan salah satu akad dalam Islam yang memberi kuasa kepada penerima wakil untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja bagi pihak orang yang mewakilkan itu.⁵³ Menurut ulama Ḥanafī, *wakālah* ditakrifkan sebagai memberi tugas kepada orang lain untuk mengendalikan sesuatu kerja yang diharuskan oleh syarak atau mewakilkan seseorang menjaga sesuatu perkara termasuklah segala pengendalian atau pengurusan harta sama ada dalam bentuk jual beli atau perkara-perkara lain yang boleh diwakilkan seperti meminta keizinan dan kebenaran.⁵⁴ Manakala *wakālah bi al-istithmār* ialah perlantikan seorang wakil atau ejen untuk melakukan transaksi pelaburan bagi pihak pemilik modal pada kadar caj untuk ejen yang dipersetujui.

Apabila konsep *wakālah* digunakan dalam produk “*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*”, ini bermaksud pihak HSBC Amanah bertindak sebagai ejen atau wakil di dalam urusan belian atau jualan komoditi-komoditi tertentu bagi pihak pelanggannya dan pihak HSBC Amanah akan menerima upah dari khidmat yang diberikannya iaitu caj *wakālah* (*wakālah fee*). Kebiasaannya, pelabur akan dikenakan caj satu peratus (1%) daripada keseluruhan jumlah pelaburan.⁵⁵

⁵³ Sudin Haron & Wan Nursofiza Wan Azmi, *Islamic Finance and Banking System: Philosophies, Principle & Practices*, 144.

⁵⁴ Wahbah Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1989), 4:64; Ibn ‘Abidīn, *Radd al-Muhtār Alā al-Durr al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 4:17; ‘Alā al-Dīn Abī Bakar bin Mas‘ūd al-Kasānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 7:3445.

⁵⁵ Mohamad Noranuar Sajari (Pakar Pembangunan Produk Syariah di Bank Muscat, Oman. Pernah menjawat jawatan sebagai Pemangku Ketua Bahagian Syariah, HSBC Amanah Malaysia), dalam temubual pada 23 Disember 2012.

3.7.2 *'Urbūn*

Oleh kerana elemen derivatif turut diaplikasikan dalam produk berstruktur ini, maka hanya penggunaan instrumen derivatif patuh Syariah sahaja yang dibenarkan dalam merangka sesuatu produk. Terdapat beberapa prinsip yang kebiasaannya digunakan sebagai alternatif kepada derivatif konvensional dan antara yang dipakai dalam produk "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*" ialah prinsip *'urbūn*.

Fuqaha mendefinisikan *'urbūn* sebagai seseorang yang hendak membeli sesuatu barang, lalu dia membuat bayaran kepada penjual sebahagian dari harga barang tersebut sebanyak satu dirham ataupun atau lebih dengan perhitungan jika keduanya meneruskan kontrak jual beli, maka wang pendahuluan itu akan menjadi sebahagian daripada harga barang dan jika kontrak jual beli itu tidak diteruskan maka wang pendahuluan itu akan menjadi hak penjual.⁵⁶ Prinsip *'urbūn* mempunyai ciri-ciri seperti berikut:⁵⁷

- i. Pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan sama ada membeli barang atau tidak untuk satu-satu tempoh yang tertentu, namun ia bukanlah menjadi kewajipannya untuk membeli.
- ii. Penjual tiada hak untuk menjual barang kepada pembeli lain, walaupun ditawarkan dengan harga yang lebih tinggi dan ia berkewajipan untuk menunggu dalam satu tempoh yang telah dijanjikan kerana telah menerima wang pendahuluan.

⁵⁶ Wahbah Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 3434; Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1977), 3:100.

⁵⁷ Ab Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor, *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 143.

- iii. Harga barangan telah dipersetujui bersama. Ini dapat dilihat berdasarkan perjanjian bahawa sekiranya proses jual beli itu disempurnakan, maka bayaran pendahuluan tersebut dianggap menjadi sebahagian daripada harga barangan.
- iv. Terdapat tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak untuk memastikan pembelian barangan berlaku atau tidak.

Dalam kebanyakan produk berstruktur Islam, prinsip *'urbūn* digunakan untuk memberi hasil yang sama seperti instrumen derivatif konvensional khususnya bagi menggantikan opsyen panggilan konvensional yang mana aplikasi kedua-duanya dilihat sangat serupa.⁵⁸ Kebiasaannya prinsip *'urbūn* diaplikasikan bagi memastikan opsyen panggilan mematuhi piawaian Syariah.

3.8 KESIMPULAN

Produk berstruktur Islam merupakan salah satu instrumen yang mula diketengahkan dalam sistem perbankan Islam masa kini. Bermula pada tahun 2007 produk pelaburan ini terus mendapat permintaan daripada para pelabur khususnya bagi mereka yang menitikberatkan produk berteraskan Syariah Islam. Sebagaimana yang telah dibincangkan, produk berstruktur Islam merupakan alternatif kepada produk berstruktur konvensional yang tidak menepati piawaian Syariah.

Justeru itu, untuk menandingi produk konvensional yang sedia ada, HSBC Amanah mula memainkan peranan dengan menawarkan produk pelaburan berstruktur Islam yang inovatif dikenali sebagai "*Islamic Equity-Linked Structured Investment-i*". Secara

⁵⁸ Sudin Haron & Wan Nursofiza Wan Azmi, *Islamic Finance and Banking System: Philosophies, Principle & Practices*, 144.

keseluruhannya produk ini mengaplikasikan elemen-elemen Syariah dalam penstrukturannya antaranya adalah pengaplikasian *'urbūn* bagi menggantikan instrumen derivatif tidak patuh Syariah.